

e-BuletinUiTMCM

Citra



| UiTM Cawangan Melaka

#OKTOBER

eBuletinUiTMCM
Vol.10 - Oktober /21

Selamat Kembali ke Kampus



Sorotan menarik bulan Oktober:

Pendaftaran Pelajar Baru

Program Santai Sukan
Bersama Naib Canselor

Siri Webinar - ENDEMIK



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Sidang

Redaksi

e-BuletinUiTMCM

f t i y | UiTMCM



Cawangan Melaka



Ketua Editor
Akmal bin Adanan



Penolong Editor
Arif Imran bin
Anuar Yatim



Editor Buletin
Azniza binti Hasan



Editor Buletin
Hasnor Zura binti
Hashsim



Editor Buletin
Khalidah Hadibah binti Md Khalid



Editor Buletin
Suraini binti Mohammad



Editor Grafik
Mohd Hanif bin
Mohd Omar



Editor Grafik
Hail Jefri bin Rusli



Isi kandungan
Anwar Farhan bin
Zolkeplay



Isi kandungan
Mohamad Asrol bin
Arshad



Isi kandungan
Nur Hidayah binti
Zaini



Isi kandungan
Norazimah binti
Mat



UiTMCM Telegram
channel



Dapatkan maklumat-maklumat
Universiti dari Telegram rasmi



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
STAF UiTMCM"



Sila imbas kod di atas
untuk ke "Channel
PELAJAR UiTMCM"



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

Citra e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Kesepuluh - Oktober 2021

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No. Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

PENAFIAN :

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2021 Hakcipta Terpelihara



| UiTM Cawangan Melaka

Isi Kandungan

e-BuletinUiTMCM



Pendahuluan

Dari Meja Ketua Editor	6
------------------------	---

Program-program Universiti 7

Kunjungan Pegawai-pegawai Agensi Penguatkuasa ke UiTM Bandaraya Melaka	8
Selamat Datang Diucapkan Kepada Mahasiswa dan Siswi dari Universitas Pendidikan Indonesia.	9
Suasana Pendaftaran Pelajar Baharu di UiTM Kampus Alor Gajah	10
Suasana pendaftaran pelajar Kolej Tun Mamat dan Tun Mutahir, UiTM Kampus Bandaraya Melaka.	11
Suasana Pendaftaran Pelajar di UiTM Kampus Jasin Bersama Lawatan Rektor dan Penolong Rektor.	12
Program Santai Sukan Bersama Naib Canselor.	13
Lawatan secara Maya Ke Projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTM Cawangan Melaka.	14
Temu Bual Bersama Pegawai Agensi Penguatkuasa.	15
Lawatan Bimbingan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Plus 2021.	16

Siri Bengkel & Webinar 17

Webinar: "Wakaf tunai? Habaq mai sat lagu mana tu?".	18
Industry Talk : Industrial Cybersecurity & Technology.	19
Bengkel "How to Endnote, Citation & Reference, Tips & Trick".	20
Chit Chat Wakaf: Impak Pewakafan Anda.	21
Creative Art Entrepreneurship Endemik Defend Research Attack.	22
Webinar : 5 Kupang Pun dah Boleh Wakaf?	23

Ucapan Tahniah 25-28

Kejayaan & Pencapaian

Senarai Pemenang Pertandingan Mencipta Pantun	30
Penerima '5 STAR Award Achievement for the year 2020'.	31

UiTM Artikel 33

Kemudahan Teknologi Cipta Peluang Teroka Ekonomi Gig.	34
Pendekatan Teliti Tangani Kenaikan Harga Ayam.	34
Susun Semula Sistem Cukai Pacu Ekonomi.	35
Kebenaran Rentas Negeri Hidupkan Semula Pelancongan, Ekonomi.	36
Susun Semula Cukai Pendapatan.	37
Sektor Pelancongan Kesihatan Malaysia Susun Persiapan Hadapi Fasa Endemik.	38
Masuk Fasa Penjagaan Pokok Buah-Buahan.	39

Dari Meja

KETUA EDITOR



Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin Citra - Vol.10 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan Oktober 2021.

Selamat datang diucapkan kepada pelajar-pelajar baharu dan lama yang kembali ke kampus setelah berakhirnya cuti semester dan ingin merasakan suasana belajar di kampus di semester baharu.

Di kesempatan ini saya ingin meminta agar semua warga UiTMCM dapat mengikuti perkembangan melalui media social UiTMCM seperti Facebook, Instagram, Twitter, Telegram dan Youtube dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Akmal Adanan
Ketua Unit Komunikasi Korporat



Program-program Universiti

Kunjungan Pegawai-pegawai Agensi Penguatkuasa ke UiTM Bandaraya Melaka



Bandaraya Melaka, 11 Oktober 2021 - UiTM Cawangan Melaka telah menerima kunjungan pegawai-pegawai dari pelbagai agensi penguatkuasa dalam usaha menyelaraskan kajian indeks keselamatan sempadan negara (IKSN). Kunjungan para pegawai ini disambut oleh YBhg. Prof. Dr. Abd Halim Mohd Noor, Menjalankan tugas rektor di Kampus Bandaraya Melaka. Taklimat penyelarasan bagi kajian IKSNI ini disampaikan oleh ketua penyelidik dari UiTMCM, Dr. Idris Osman, dan dibantu oleh ahli penyelidik yang lain (Dr. Nur Hayati Abd Rahman dan En Mohd Halim Mahpoh). Susulan dari taklimat ini, satu sesi temu bual kumpulan berfokus akan dijalankan pada 22 Oktober 2021, melibatkan hampir 20 pegawai dari pelbagai agensi penguatkuasa darat dan laut.

The banner features a red and white background with a large white star. On the left, a portrait of a man in a suit is shown. The text on the banner includes:

- SELAMAT DATANG MAHASISWA UPI**
- UNIVERSITAS PENDIDIKAN INDONESIA
- KE
- FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN UiTM CAWANGAN MELAKA
- KAMPUS BANDARAYA MELAKA
- PROGRAM MOBILITI PELAJAR**
- "VIRTUAL CREDIT TRANSFER PROGRAM"
- SEMESTER OKTOBER 2021- FEBRUARI 2022

Below the text, there are two rows of student portraits with their names:

Eissa Ainun Najwa	Faishal Dzaky Affianto	Nadine Nirwesti Syahida	May Elisa Debora Simarmata	Rafika Shanty
Rafa Amara Dewi	Rifda Bakhita	Tiara Rinandi Baharson	Syifa Maulida	Khairunissaa Damayanti

Ikhlaskan daripada Rektor serta seluruh warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Melaka

Selamat Datang Diucapkan Kepada Mahasiswa dan Siswi dari Universitas Pendidikan Indonesia.

Seramai 10 mahasiswa yg menyertai dalam mobiliti pelajar yg dilaksanakan secara maya bagi semester Oktober 20 - Februari 21.

Tahniah diucapkan kepada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Kampus Bandaraya Melaka atas pelaksanaan Virtual Credit Transfer Program ini.

Suasana Pendaftaran Pelajar Baharu di UiTM Kampus Alor Gajah



Suasana pendaftaran pelajar Kolej Tun Mamat dan Tun Mutahir, UiTM Kampus Bandaraya Melaka



Suasana Pendaftaran Pelajar di UiTM Kampus Jasin Bersama Lawatan Rektor dan Penolong Rektor



Siaran Langsung
YouTube
UiTM Channel

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pusat Sukan

Ulang Tahun
50
Pusat Sukan
1971-2021

PROGRAM SANTAI SUKAN *bersama* NAIB CANSELOR

21 OKT. 2021
KHAMIS | 5-6pm

Dewan Taming Sari, UiTM Kampus Alor Gajah


Anjuran: Pusat Sukan (Bahagian Hal Ehwal Pelajar) dengan kerjasama seluruh kampus cawangan UiTM

#sportingcampus #menyerlahpotensi/membentukmasahadapan

"Good Health & Wellbeing"

UiTM

Program Santai Sukan Bersama Naib Canselor










Lawatan secara Maya Ke Projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTM Cawangan Melaka.

Telah berlangsung lawatan penanda aras secara maya ke projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTM Melaka oleh UiTM Cawangan Perak pada sebelah pagi tadi. Lawatan dari UiTM Perak ini diketuai oleh Ybhg. Sr. Dr. Mohd Azian Zaidi, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (TR HEP), UiTM Perak, Ustaz Hamdi Rahman bin Mohd Yaacob, Koordinator Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (UZSW) UiTM Perak serta beberapa staf dari UZSW dan MASMED, UiTM Perak.

Taklimat khas perjalanan projek WaDI ini telah dibentangkan oleh Ustaz Muaz Hj Mohd Noor, Koordinator EL-Wazif, serta Dr Mohd Faizal P. Rameli, Ketua Pengurus WaDI, UiTMCM.



Temu Bual Bersama Pegawai Agensi Penguatkuasa

MELAKA, 22 Oktober 2021 -Telah berlangsung temu bual secara berfokus melibatkan 24 orang pegawai dari pelbagai agensi penguatkuasa telahpun berjaya dijalankan pada 22 Oktober 2021 yang lepas. Temu bual yang dijalankan oleh tiga orang penyelidik dari Melaka ini bertujuan untuk membangunkan Indeks Keselamatan Sempadan Negara (IKSN). Sesi lawatan ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Melaka juga telahpun dijalankan pada sesi di sebelah petang, dengan dihadiri oleh 10 orang penyelidik induk.





Lawatan Bimbingan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Plus 2021

ALOR GAJAH, 28 Oktober 2021 - Telah berlangsung Lawatan Bimbingan dan Pemantauan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Plus 2021 daripada pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (Audit Dokumen) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, UiTM Kampus Alor Gajah.

JPK dihadiri oleh Puan Adayu Delaila Dahalan dan Puan Nurul Aini Mohamed Noor. Turut bersama dalam pemantauan ini Ybhg. Dato' Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar serta Jawatankuasa SLDN UiTMCM.





Siri Bengkel & Webinar

Universiti

Webinar: “Wakaf tunai? Habaq mai sat lagu mana tu?”



WEBINAR WAKAF 2021

PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

“Wakaf Tunai? Habaq mai sat lagu mana tu?”

20 OKTOBER 2021 (RABU)
10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

LIVE

FB & YouTube Live Yayasan Waqaf Malaysia
FB Live Wakaf Pulau Pinang

Pengesahan Kehadiran Disediakan



Panel
YBRS. PROF. MADYA DR. AMIR SHAHARUDDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Yayasan Waqaf Malaysia



Moderator
IMAM MUDA ASYRAF



Panel
YBRS. TUAN HAJI ROSIDI HUSSAIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Wakaf Pulau Pinang



ROSIDI WPP MAINPP



DR. AMIR SHAHARUDDIN

Yayasan Waqaf Malaysia Bank Islam Malaysia Berhad 16018010019680 Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad 0703 4011



IMAM MUDA ASYRAF



Rosidi WPP MAINPP



HAI DATUL AZIA



DR. AMIR SHAHARUDDIN

Industry Talk : Industrial Cybersecurity & Technology



INDUSTRY TALK: INDUSTRIAL CYBERSECURITY & TECHNOLOGY

WHAT'S NEW?



SPEAKER
Auritro Ghosh
Sr. Network Consulting Engineer
CISCO Systems, India PVT LTD

MODERATOR
Dr Nurul Huda Nik Zulkipli
Coordinator
Faculty of Computer and Mathematical
Sciences, UiTM Melaka

OCTOBER 23, 2021 | 10.30 AM - 1.00 PM
CISCO WEBEX PLATFORM

Organised by:
Department of Postgraduate and Professional Studies
Faculty of Business and Management, UiTM Selangor

In collaboration with the Faculty of Computer and
Mathematical Sciences, UiTM Melaka, Universitas
Tadulako, Indonesia and CISCO

SCAN ME
for registration



Contact person:
Associate Professor Dr Norshima Humaidi
Faculty of Business and Management, UiTM
Selangor
norshima958@uitm.edu.my



Unleashing Potentials
Shaping the Future

<https://uitm.edu.my>



UITM_Official



UITM.official



UITMofficial

PERKAMPUSAN
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perkampusan
Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka

Stay calm, stay safe
STAY CONNECTED
stay connected with us

HOW TO ENDNOTE, CITATION & REFERENCE, TIPS & TRICK

PENCERAMAH

EN. NABIL ZULHEMAY

25 OKT 2021

08:30

ISNIN

AM

TERBUKA KEPADA SEMUA PELAJAR
UITM CAWANGAN MELAKA

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

PTAR UITM CAWANGAN MELAKA

Chit Chat Wakaf: Impak Pewakafan Anda



IMPAK PEWAKAFAN ANDA...


27 Oktober 2021 (Rabu)
10.00 Pagi - 11.30 Pagi

LIVE Facebook & YouTube Live Yayasan Waqaf Malaysia

Chit Chat Wakaf
Bersama Penerima Wakaf YWM

CIK HAIDATUL AZIA HUSIN
Pengurus Bahagian Pemantauan & Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia

ENCIK MOHD BOKHARI MAT DOA
Pengurus Bahagian Kewangan
Yayasan Waqaf Malaysia



NORAZIRA - BEKAS PELAJAR AKT

MOHD FUAD - WAKAF KUDA

but pahala wakaf berpanjangan. Sabda Nabi SAW : "Apabila mati anak Adam akan terputuslah amalannya"



NORAZIRA - BEKAS PELAJAR AKT

HAIDATUL AZIA

MOHD FUAD - WAKAF KUDA

MOHD AFENDY - BANTUAN PERNIAGAAN

MOHD BOKHARI

RIHARUDDIN - DANA PELAJAR YWM

SAYYIDATUN - DANA PELAJAR YWM

a sosial (Facebook, Instagram, Twitter, Youtube dan TikTok) rasmi Yayasan Waqaf Malaysia untuk pelbaga

CREATIVE ART ENTREPRENEURSHIP ENDEMIK Defend Research Attack



Cawangan Melaka



HuzeifaStudio

CREATIVE ART ENTREPRENEURSHIP TALK



ENDEMIK
DEFEND • RESEARCH • ATTACK

DIRASMIKAN OLEH:

**Professor Madya Dr Ismadi
Bin Md Badarudin**

Timbalan Rektor Uitm Cawangan Melaka

SPEAKER:

Azim Huzeifa

Pengasas Huzeifa Studio

MODERATOR:

**Mohd Ab Malik
Bin Md Shah**

UITM Cawangan Melaka



28 Okt 2021 8:45pg - 5:00ptg



Anjuran di bawah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka



Webinar : 5 Kupang Pun dah Boleh Wakaf?



Malaysia di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad 1101685804. Dengan serendah RM1 pun dah boleh wakaf yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakannya" (Hadis Riwayat Muslim)



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



**UCAPAN TAHNIAH,
KEJAYAAN & PENCAPAIAN
WARGA UNIVERSITI**

 Cawangan Melaka

Tahniah

PN. RAFIDAH MOHD LOTFI
Bahagian Hal Ehwal Akademik

atas kenaikan pangkat
**PENOLONG PEGAWAI
PENERBITAN KANAN (N32)**

mulai
8 April 2021

Ikhtis dari pada
Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka



Meningkatkan Potensi
Kemampuan Masa Depan

UITM Cawangan Melaka

 Cawangan Melaka

Tahniah

EN. MOHD HELMY MARIDAN
Unit Kokurikulum

atas kenaikan pangkat
**PEMBANTU KESATRIA
KANAN (S22)**

mulai
2 Mei 2021

Ikhtis dari pada
Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka



Meningkatkan Potensi
Kemampuan Masa Depan

UITM Cawangan Melaka



Tahniah

**PROF. MADYA DR. S SALAHUDIN BIN
H.J. SUYORNO DAN
ENCIK AKMAL BIN ADANAN**

atas pelantikan sebagai

JURI

**Pertandingan Pidato Piala Tuan
Yang Terutama Yang Di-Pertua
Negeri Melaka 2021
(Kategori Bukan Melayu)**

dijalankan dari

9 - 16 September 2021

anjuran Jabatan Perpaduan Negara
dan Integrasi Nasional Negeri Melaka

Ikhlas daripada:

Pengurusan Eksekutif dan Warga UiTM
Cawangan Melaka

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Depan

UITM Cawangan Melaka 10th Anniversary



Tahniah

**PROF. MADYA DR.
ABDUL RAHIM RIDZUAN**

Pensyarah Kanan FPP

atas pelantikan sebagai

**PROFESOR ADJUNG
FAKULTI EKONOMI & PERNIAGAAN
UNIVERSITAS AIRLANGGA, INDONESIA**

6 September 2021 - 5 September 2022

Ikhlas daripada

Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Depan

UITM Cawangan Melaka 10th Anniversary

 Cawangan Melaka

Selamat Berjaya!

**ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR
PEMBENTANGAN AKHIR 2021**

Tema: Pengurusan Fasilitas dan Infrastruktur Berkualiti
Pemangkin Kampus Produktif

Ahad, 31 Oktober 2021



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

SENARAI PEMENANG

PERTANDINGAN
MENCIPTA PANTUN

PERTAMA

PUAN ROSMIZAWATI BINTI
MOHAMED SALLEH

KEDUA

ENCIK KAMARUDDIN BIN ARIS

KETIGA

ENCIK MOHD AB MALEK BIN MD
SHAH

SAGU HATI

1. ENCIK AZAHA HAJI OTHMAN
2. ENCIK EAXTER JAMALUN
3. ENCIK MUHAMMAD SYAHRI BIN SABRI
4. PUAN ASMAH BINTI JENDUL
5. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN ABDULLAH
SANI



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Award Certificate

This certificate is awarded to Research Initiative Group (RIG)

ISLAMIC PHILANTHROPY & SOCIAL FINANCE

ABD HALIM BIN MOHD NOOR (Leader)
TUTASTING @ RAWI B NORDIN
SHAFINAR BINTI ISMAIL
SHARIFAH FAIGAH BINTI SYED ALWI
MOHAMED SALADIN ABDUL RASOOL
S. SALAHUDIN BIN SUYURNO
MOHD AFANDI BIN MAT RANI
FADZLAN BIN SUFIAN @ SOFIAN

in recognition of 5 STAR Award Achievement

for the year 2020

Profesor Ts. Dr Mohd Nazip Suratman
Deputy Vice-Chancellor
(Research and Innovation)
Universiti Teknologi MARA



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



ARTIKEL/MEDIA

Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

Kemudahan teknologi cipta peluang teroka ekonomi gig

Nor Halawah Ahmad,
Pensyarah
Ekonomi
di Fakulti
Pengurusan
Perniagaan,
Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Melaka

Ekonomi gig semakin mendapat perhatian seluruh dunia dan tidak hairan Malaysia membuat keputusan menjadikannya sumber menjana pertumbuhan ekonomi negara seperti dipaparkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Langkah kerajaan menjadikannya sumber pertumbuhan ekonomi tepat kerana kebanyakan platform aktiviti ekonomi masa kini dapat diuruskan lebih baik dengan pelbagai aplikasi teknologi canggih dan mudah.

Sebenarnya sejarah ekonomi gig boleh ditelusuri dengan makna perkataan gig dalam industri berkaitan hiburan di Barat. Pemuzik mencari pendapatan dengan menghasilkan karya mereka di pesta atau 'gig'. Karya mereka dicipta untuk memenuhi tema ditunjukkan dalam pesta dianjurkan.

Setiap gig atau persembahan karya mereka begitu khusus dan memerlukan idea kreatif untuk terus dikenali, seterusnya memberi peluang menjana pendapatan pada gig seterusnya.

Kini, ekonomi gig dilihat sebagai penyelesaian dalam mengurangkan kos kepada perniagaan konvensional, lalu dengan membayar sejumlah wang kepada pekerja berkenaan sesuatu projek untuk tempoh tertentu.

Syarikat konvensional tidak perlu bersusah mengambil pekerja tetap baharu, yang akan menambah kos per kepala besar kepada syarikat.

Bertambahnya pelbagai aplikasi berkaitan sistem pengurusan konsumen (CMS), sesuatu projek di-

jalankan sesuatu syarikat akan dapat diselesaikan pekerja separuh masa dengan mudah dan sistematis.

Gaya pengurusan perniagaan sebegini sangat ketara, terutama sejak negara menghadapi pandemik. Pelbagai aktiviti tersenarai sebagai aktiviti ekonomi gig di negara ini antaranya seperti dilakukan syarikat penghantar makanan, selain yang bergantung kepada ejen dan *dropship*.

Ekonomi gig sangat ketara dalam pekerjaan membabitkan perkhidmatan penghantaran, pemasaran digital, rekaian grafik, penjagaan haiwan dan fesyen. Walaupun terma pekerjaan dikenali sebagai jenis pekerjaan separuh masa, ia mampu memberikan pendapatan lumayan jika dilakukan 'sepuh masa' dan selebihnya, ia dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.



Ekonomi gig mungkin menjadi normal masa akan datang. Justeru, rakyat terutama generasi milenial perlu sedar mereka perlu bersiap sedia dengan pengetahuan teknologi bersesuaian minat dan kerjaya diimpikan demi menjana pendapatan.

Graduan pula perlu lebih kreatif dan mempunyai keterampilan meyakinkan dalam persaingan untuk merebut peluang dalam ekonomi gig. Graduan mempunyai kelebihan kerana didedahkan dengan kursus keusahawanan supaya lebih bersedia dalam menempatkan diri di dunia perniagaan, seterusnya berpeluang mengembangkan ekonomi gig.

Kerajaan melihat ekonomi gig sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara dan berperanan membantu rakyat dengan menyediakan pelbagai rancangan, termasuk Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

JENDELA akan memastikan terdapat akses penuh liputan 4G di kawasan berpenduduk dan liputan 5G lebih luas menjelang 2025.

Kerajaan juga cuba merapatkan jurang digital antara luar bandar dan bandar berpunca perbezaan kemudahan jalur lebar dengan mentransformasi pusat internet, Pusat Internet Desa dan Pusat Komuniti Desa kepada Pusat Digital Keluarga Malaysia untuk memudahkan komuniti setempat didedahkan dalam e-dagang, latihan kemahiran, pembelajaran dan aktiviti masyarakat.

Kita perlu cakna dengan perubahan dilakukan kerajaan kerana negara ini menyediakan banyak peluang dan kemudahan untuk meningkatkan potensi diri untuk kehidupan lebih baik.

Artikel Akhbar - Berita Harian
06 Oktober 2021

Sumber Artikel : Nor Halawah Ahmad
Pensyarah Kanan FP&P, UiTMCM

Pendekatan teliti tangani kenaikan harga ayam



Olieh Hazalinda Harun
bhencanaa@bh.com.my

Pensyarah Kanan
di Fakulti
Pengurusan
Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Melaka

Isu kenaikan harga ayam seperti tidak ada jalan penyelesaiannya. Terbaru, penarikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) merekodkan harga runcit ayam proses standard melepasi paras RM6.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menegaskan ia tertingit dibandingkan tujuh tahun sebelum ini. Impak kenaikan harga ayam sangat besar seperti peningkatan harga barang asas lain seperti minyak dan gula. Impak kenaikan ini pula berantailah yang pada akhir rantailah itu, kesannya adalah kepada pengguna.

Sebelum melaksanakan langkah mencegah harga ayam daripada terus meningkat, tentulah punca kenaikan terlebih dahulu perlu dikenal pasti. Langkah pencegahan kenaikan harga tidaklah semudah difikirkan, sebaliknya mesti mengambil kira kebajikan kedua-dua penggerak ekonomi sama ada di sebelah permintaan mahupun penawaran dalam pasaran.

Di sebelah permintaan, sudah pasti faktor utama dikatakan kenaikan harga disebabkan peralihan kepek permintaan di sebelah kanan (penawaran). Pembukaan semula sektor ekonomi misalnya restoran untuk 'dine in' dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi merancakkan semula ekonomi, pasti disusuli permintaan mendadak terhadap bekalan ayam.

Mekanisme permintaan dan penawaran tidak

sempat membuat pelarasan dalam jangka pendek, sekali gus mendorong pihak tidak bertanggungjawab sengaja memanipulasikan harga.

Sebenarnya, banyak lagi faktor menganjak kelok permintaan ke sebelah kanan dan mendorong kenaikan harga. Misalnya ayam memang selalu menjadi pilihan masyarakat memandang harganya relatif lebih murah dibandingkan daging lain, misalnya daging lembu dalam pasaran.

Daging ayam juga mudah dimasak dan gaya hidup ke arah lebih sihat juga mempengaruhi kecenderungan pengguna dengan alasan menjaga kesihatan dan selesa beralih daripada daging merah kepada daging ayam.

Jika punca kenaikan disebabkan pengeluar atau peniaga memanipulasikan harga, pelaksanaan kawalan harga dengan menetapkan harga siling bagi ayam perlu dilaksanakan sepanjang masa. Ia lebih mudah berbanding sekadar menunggu musim



perayaan saja seperti Skim Harga Maksimum Musim Perayaan.

Namun apa akan berlaku jika kenaikan itu sebenarnya juga membabitkan faktor sebelah penawaran. Pelaksanaan kawalan harga ini akan memulihkan di sebelah pengguna, tetapi menjadi beban di sebelah pengeluar.

Di sebelah penawaran, menurut kenyataan dikehendaki Persekutuan Persatuan-Persatuan Penernak Malaysia (FLPAM), kenaikan harga ayam ini berpunca peningkatan kos operasi dan pengeluaran akibat wabak COVID-19 merjeaskan rantai bekalan ayam.

Peningkatan kos dedak ayam diimport, harga baka ayam dan anak ayam, kos kesukaran mendapatkan pekerja asing serta pengeluar terpaksa mengupah warga tempatan dengan upah lebih mahal, semua ini mendorong kenaikan harga.

Pelaksanaan langkah kenaikan harga perlu diselesaikan dengan teliti supaya kedua-dua pihak - pengguna mahupun pengeluar - menang dalam percaturan ini.

Perlu diteliti, pihak manakah menerima lebih impak daripada kenaikan harga itu, selain adakah kos pengeluaran ayam ditanggung pengeluar setara kenaikan harga runcit ditanggung pengguna.

Mungkin juga terdapat punca lain misalnya sistem maklumat harga belum cukup 'terkini' atau tindakan penanaman belum menyeluruh.

Apapun, punca penyelesaian diguna pakai mestilah seperti menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus dan tepung pula jangan berselerak. Penyelesaian perlu datang daripada setiap penjuru kerana meletakkan kesalahan pada satu pihak sahaja tidak akan menyelesaikan masalah.

Artikel Akhbar - Berita Harian
06 Oktober 2021

Sumber Artikel : Hazalinda Harun
Pensyarah Kanan FP&P, UiTMCM

Susun semula sistem cukai pacu ekonomi



Pensyarah Kanan
Jabatan Ekonomi
dan Kewangan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MAIRA (UiTM)
Melaka

Oleh Dr Mohd Hafiz Bakar
bhrencana@bh.com.my

Hasil kutipan cukai sumber pendapatan negara dan dapat dimanfaatkan untuk pembangunan infrastruktur dan kesejahteraan rakyat.

Di Malaysia, cukai pendapatan menyumbang lebih 50 peratus kepada bajet Persekutuan dibentangkan di Parlimen setiap tahun, manakala cukai tidak langsung menyumbang sekitar 25 hingga 30 peratus.

Namun berdasarkan perkembangan ekonomi semasa, kerajaan perlu meneliti dan menyusun kembali sistem cukai pendapatan supaya rakyat dan negara dapat bangkit kembali dari segi ekonomi dan sosial.

Menurut Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), cukai pendapatan hanya dibayar dan dikenakan kepada mereka yang layak dan ia akta utama yang menggariskan peruntukan dan panduan pengurusan cukai pendapatan di Malaysia.

Bagi cukai pendapatan individu, mulai 2015, individu yang mempunyai pendapatan tahunan melebihi RM34,000 (selepas potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) perlu mendaftar fail cukai pendapatan.

Bagi cukai pendapatan syarikat pula modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta, sebanyak 17 peratus dikenakan untuk pendapatan RM600,000 yang pertama dan 24 peratus dikenakan bagi pen-

dapatan seterusnya.

Sejak kerajaan memperkenalkan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut penilaian risiko semasa oleh Kementerian Kesihatan (KKM) banyak sektor perniagaan dibuka dan memberi impak positif kepada pemulihan ekonomi negara.

“Kerajaan perlu ambil peluang ini dengan menggalakkan rakyat berbelanja berhemat dengan menyusun semula sistem cukai pendapatan”

Kerajaan perlu mengambil peluang ini dengan menggalakkan rakyat berbelanja secara berhemat dengan menyusun semula sistem cukai pendapatan, terutama bagi golongan berpendapatan sederhana.

Jika dilihat dari segi perbelanjaan harian, golongan M40 antara menyumbang kegiatan ekonomi aktif dengan kecenderungan berbelanja.

Secara permulaan, bagi tahun takiran 2021, ke-

rajaan boleh menaikkan sedikit pendapatan tahunan dikenakan cukai daripada RM34,000 kepada RM60,000.

Ia akan dapat memberikan lebih tunai kepada golongan berpendapatan sederhana tadi untuk terus merencanakan ekonomi negara seperti berbelanja atau melancong dalam negara apabila pembukaan sempadan negeri dibenarkan.

Selain itu, bagi syarikat modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta, kerajaan boleh menetapkan untuk mengenakan cukai sebanyak 14 peratus bagi pendapatan RM600,000 yang pertama dan 20 peratus bagi pendapatan yang seterusnya.

Secara khusus, kerajaan boleh menfokuskan pemberian pengurangan cukai ini kepada perniagaan yang terjejas akibat kesan COVID-19 seperti perniagaan membabitkan pelancongan dan perkhidmatan.

Ini dapat menstabilkan kembali tahap kewangan perniagaan mereka yang terjejas serta membantu membuat perancangan teliti dengan lebih tunai yang diperoleh hasil pengurangan cukai ini.

Hasil pendapatan negara tidak akan terjejas kerana negara masih mempunyai pendapatan daripada cukai tidak langsung dikutip Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan pendapatan kerajaan negeri melalui cukai taksiran dan tanah yang dikutip pihak berkuasa tempatan (PBT) setiap negeri.

Penyusunan semula sistem cukai pendapatan ini boleh dibuat secara jangka pendek untuk mengembalikan kerancakan ekonomi negara, sehingga pulih kembali seperti sebelum wabak melanda negara.

Artikel Akhbar - Berita Harian
11 Oktober 2021

Sumber Artikel : Dr. Mohd Hafiz Bakar
Pensyarah Kanan FP&P, UiTMCM

Kebenaran rentas negeri hidupkan semula pelancongan, ekonomi



Pemangku Kanan
Fakulti Pengurusan
Hotel dan Pelancongan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM) Melaka

Oleh Akmal Adanan
bhrencana@bh.com.my

Keputusan kerajaan memberi kebenaran untuk mereka yang menerima vaksinasi lengkap untuk melakukan pergerakan rentas negeri bermula, semalam, semestinya adalah perkara yang amat dinanti-nantikan Keluarga Malaysia.

Pengumuman dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kelmarin itu, sebagai persediaan negara menghadapi fasa endemik dalam tempoh terdekat.

Rakyat di seluruh negara kini boleh menarik nafas lega apabila perjalanan merentas negeri boleh dilakukan tanpa perlu memohon kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) kecuali mereka yang berada di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPP).

Langkah ini menunjukkan keyakinan kerajaan terhadap keberkesanan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PTIK) dengan vaksinasi lengkap populasi dewasa mencapai 90 peratus direkodkan baru-baru ini.

Hakikatnya, pengorbanan ini semua dilakukan seluruh rakyat yang berjuang dengan keluarga sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh termasuk membabitkan larangan rehat di rumah dan negeri ini, berbaloi apabila jumlah kes harian COVID-19 menurun daripada lima angka kepada empat angka sejak 3 Oktober lalu.

Pastikan peluang ini akan digunakan dengan sebaiknya oleh rakyat untuk pelancong ke kampung untuk bertemu dengan pasangan, ibu bapa dan keluarga yang sudah lama terpisah dalam tempoh lama.

Selain itu, peluang ini amat sesuai digunakan oleh Keluarga Malaysia untuk bercuti bersama keluarga ke destinasi pelancongan menarik di dalam negara bagi mengurangkan tekanan akibat terpaksa 'terkurung' di sekitar kawasan kediaman.

Perkembangan ini juga sebenarnya memberikan sinar dalam menghidupkan kembali sektor pelancongan domestik yang terjejas akibat pandemik ini hampir dua tahun yang lalu.

Justeru, keputusan terbaru diumumkan kerajaan ini amat bertepatan dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Pelan Pemulihan Pelancongan iaitu mengembalikan semula keyakinan rakyat untuk melancong, menyemarakkan pelancongan domestik dan mengawal pasti produk serta meningkatkan penawaran lebih kreatif dengan memaksimumkan sumber sedia ada.

Penggiat industri perlu menyumbat peluang ini dengan mengetengahkan pakej pelancongan kreatif dan komprehensif bagi menarik minat rakyat untuk mendapatkan pengalaman melancong yang bermakna.

Ia juga diharap dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara terutamanya merangsang aktiviti perniagaan dalam skala lebih luas dalam ekosistem pelancongan domestik antaranya sektor perhotelan, perkhidmatan, pengangkutan, makanan

dan peruncitan.

Selain itu, kebenaran rentas negeri ini memberi peluang kepada penduduk di sekitar tempat pelancongan untuk kembali aktif dengan penjualan barang kraf tangan, cenderamata, gerai makanan dan makanan tradisional untuk menambahkan pendapatan yang selama ini terjejas akibat penutupan berkesinambungan.

Penawaran aktiviti pelancongan ini juga memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk kembali mempromosikan kepelbagaian budaya termasuk tarian tradisional, muzik serta adat resam. Dengan peningkatan permintaan sektor pelancongan, lebih banyak peluang pekerjaan dapat ditawarkan kepada graduan dan penduduk, sekali gus meningkatkan ekonomi setempat.

Khabar gembira itu turut disambut Presiden Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (BUMITRA), Harun K C Ahmud yang menegaskan kebenaran ini dapat memastikan ekonomi bergerak kembali dan pemain industri boleh menjana semula pendapatan, seterusnya kembali merancakkan industri pelancongan negara.

Pada masa sama, semua pihak tidak boleh berikap sambil lewa terhadap kelonggaran diberikan, sebaliknya perlu mengambil perhatian terhadap pe-

ringatan Perdana Menteri bahawa tidak mustahil penularan wabak COVID-19 akan kembali meningkat jika pematuan prosedur operasi standard (SOP) diambil mudah.

Peringatan sama turut diberikan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin yang mengingatkan semua untuk mematuhi SOP supaya kemasukan kes tidak lagi berlaku, sekali gus menjadikan keberkesanan kebenaran rentas ini sebagai tanggungjawab rakyat bersama.

Justeru, komitmen dan tanggungjawab setiap rakyat untuk sentiasa mengikut SOP ditetapkan perlu sentiasa menjadi panduan.

Perniagaan berkaitan pelancongan seperti hotel, pusat peragaan, lap desa, restoran, pengangkutan dan pusat rekreasi termasuk sektor kerajaan perlu tegas dalam pematuan serta penguatkuasaan SOP pada setiap masa.

Plakamaten dan ketepatan terhadap SOP oleh setiap pelancong dan penggiat industri mesti menjadi keutamaan bagi memastikan risiko jangkitan dapat diminimumkan dan operasi sektor pelancongan ini akan dapat terus dibuka.

Setiap rakyat juga perlu mengambil tahu dan peka dengan kesihatan diri melalui Penilaian Kendiri COVID-19 dengan pelaksanaan TRIIS, iaitu Test (melakukan ujian sendiri), Report (laporkan hasil ujian di MySejahtera), Isolate (pengasingan sendiri), Inform (jika positif maklumkan kepada kontak rapat) dan Seek (dapatkan rawatan segera).

Justeru, diharap agar Keluarga Malaysia dapat memanfaatkan kebenaran rentas negeri ini dengan merancang perjalanan sebaik mungkin dan tidak terburu-buru membuat pergerakan hingga mengabaikan aspek keselamatan keluarga masing-masing.

Semoga langkah kerajaan ini dapat membantu menghidupkan semula sektor pelancongan domestik dalam norma baharu kehidupan fasa endemik serta melonjakkan kembali ekonomi negara.

Kejayaan dalam mematuhi SOP ketika sempadan negeri dibuka ini, bakal menjadi petunjuk kepada langkah pembukaan sempadan negara pula, sekali gus memberi ruang pelancong dari luar negara pula yang akan dapat menjana pendapatan negara khususnya pelancongan.

Perkembangan ini juga sebenarnya memberikan sinar dalam menghidupkan kembali sektor pelancongan domestik yang terjejas akibat pandemik ini hampir dua tahun yang lalu




Orang ramai diingatkan supaya sentiasa mematuhi SOP bagi mengelakkan kemasukan kes berulang lagi.

(Foto BERNAMA)

Artikel Akhbar - Berita Harian
12 Oktober 2021

Sumber Artikel : Akmal Adanan
Ketua Unit Komunikasi Korporat, UiTMCM



HASIL kutipan cukai dapat dimanfaatkan untuk pembangunan infrastruktur dan kesejahteraan rakyat.

Susun semula cukai pendapatan

SAUDARA PENGARANG,

SEMPENA pembentangan Belanjawan 2022 di Parlimen pada 29 Oktober ini, saya berpendapat sudah tiba masanya kerajaan mengambil langkah drastik dengan menyusun semula sistem cukai pendapatan untuk merancakkan ekonomi negara.

Di Malaysia, cukai pendapatan menyumbang lebih 50 peratus kepada bajet Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen setiap tahun, manakala cukai tidak langsung pula menyumbang sekitar 25 hingga 30 peratus.

Menurut Akta Cukai Pendapatan 1967, cukai pendapatan hanya dibayar dan dikenakan kepada mereka yang layak dan ia akta utama yang menggariskan peruntukan dan panduan pengurusan cukai pendapatan.

Bagi cukai pendapatan individu, mulai 2015, seseorang yang mempunyai pendapatan tahunan melebihi RM34,000 (selepas potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) perlu mendaftar fail cukai pendapatan.

Bagi cukai pendapatan syarikat modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta pula, sebanyak 17 peratus dikenakan untuk pendapatan RM600,000 yang pertama dan 24 peratus dikenakan bagi pendapatan seterusnya.

Sejak kerajaan memperkenalkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut penilaian risiko semasa oleh Kementerian Kesihatan, banyak sektor perniagaan dibuka dan memberi impak positif kepada pemulihan ekonomi.

Kerajaan perlu mengambil peluang ini dengan menggalakkan rakyat berbelanja secara berhemah dengan menyusun semula sistem cukai pendapatan terutama bagi

golongan berpendapatan sederhana (M40).

Jika dilihat dari segi perbelanjaan harian, golongan M40 merupakan penyumbang kepada kegiatan ekonomi yang aktif dengan kecenderungan berbelanja.

Sebagai permulaan, bagi tahun takhsiran 2021, kerajaan boleh menaikkan sedikit pendapatan tahunan yang dikenakan cukai daripada RM34,000 kepada RM60,000.

Ia akan dapat memberikan lebih tunai kepada golongan yang berpendapatan sederhana tadi untuk terus merancakkan ekonomi negara seperti berbelanja atau melancong dalam negara.

Selain itu, bagi syarikat modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta, kerajaan boleh menetapkan untuk mengenakan cukai sebanyak 14 peratus bagi pendapatan RM600,000 yang pertama dan 20 peratus bagi pendapatan seterusnya.

Secara khusus lagi, kerajaan boleh memfokuskan memberi pengurangan cukai ini kepada syarikat yang betul-betul terjejas akibat Covid 19 seperti perniagaan melibatkan pelancongan dan perkhidmatan.

Ini dapat menstabilkan kembali tahap kewangan syarikat yang terjejas serta membantu mereka membuat perancangan teliti dengan lebih tunai diperolehi hasil daripada pengurangan cukai ini.

Hasil pendapatan negara tidak akan terjejas kerana kerajaan masih mempunyai pendapatan daripada cukai tidak langsung yang dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan pendapatan kerajaan negeri melalui cukai takhsiran dan tanah yang dikutip oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

DR. MOHD. HAFIZ BAKAR

Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi & Kewangan
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka

Artikel Akhbar - Utusan Malaysia
14 Oktober 2021

Sumber Artikel : Dr. Mohd Hafiz Bakar
Pensyarah Kanan FP&P, UiTMCM

Sektor pelancongan kesihatan Malaysia susun persiapan hadapi fasa endemik

Oleh Erfa Khuryah Basir

TIDAK dapat disangkal penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia membawa cabaran kepada sektor pelancongan penjagaan kesihatan berikutan banyak negara termasuk Malaysia, menutup sempadan antarabangsa masing-masing bagi mengawal penyebaran virus itu.

Selepas hampir dua tahun mengharungi pandemik COVID-19, negara kini sedang beralih ke fasa kehidupan dalam persekitaran endemik, bermakna amat penting untuk segmen pelancongan perubahan meneliti langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan pengalaman sepanjang tempoh itu, bagi menawarkan pengalaman yang selamat dan lebih baik kepada pelawat perubatan.

Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) sedang mengusahakan pelan pemulihan industri bagi mengentahkan keseluruhan potensi segmen penjagaan kesihatan dan hospitaliti Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohd Daud Mohd Arif berkata organisasi itu sedang "beralih ke lingkungan digital menerusi perbincangan dinamik dengan pihak berkepentingan", bagi memastikan kehadiran segmen pelancongan perubatan negara merentasi pasaran sasaran.

"Misi semasa kami ialah menghidupkan semula sektor dengan memanfaatkan keyakinan dan kepercayaan sedia ada di Malaysia selaku destinasi pelancongan perubatan yang selamat dan boleh dipercayai. Dengan membina kepercayaan dalam kalangan pelancong perubatan menerusi komunikasi berkesan secara berterusan, serta dedikasi dalam menyediakan pengalaman selamat, kami yakin akan dapat menyaksikan sikap lebih positif terhadap pelancongan perubatan apabila sekatan pergerakan ditarik balik.

"Kami kekal optimis bahawa industri penjagaan kesihatan Malaysia akan kembali pulih berdasarkan reputasi yang kami bina sejak lebih 10 tahun lepas, perkhidmatan bertaraf dunia kami serta rawatan per-

batan yang mudah diakses dan mampu milik," katanya kepada Bernama dalam temu bual baru-baru ini.

DESTINASI SELAMAT DAN DIPERCAYAI

Malaysia telah membina reputasi kukuh sebagai destinasi global yang selamat dan dipercayai bagi penjagaan kesihatan sejak lebih 10 tahun lepas, dengan pelawat datang bagi mendapatkan pelbagai rawatan termasuk perseyawaan in-vitro (IVF), kardiologi, onkologi, ortopedik, neurologi, pergigian, estetik dan saringan kesihatan umum.

Sehubungan itu, MHTC menyasarkan untuk menghidupkan semula sektor dengan membina keyakinan, khususnya dalam pasaran sasaran seperti Indonesia, China, Kemboja, Singapura dan Brunei.

Malaysia menerima pelbagai anugerah peringkat global sebagai destinasi penjagaan kesihatan selama ini dan diiktiraf sebagai 'Destination of the Year' dari 2015 hingga 2017 dan pada 2020 oleh International Medical Travel Journal, United Kingdom; 'Best Country in the World for Healthcare' dari 2015 hingga 2020 oleh International Living yang berpusat di Amerika Syarikat; selain sentiasa diiktiraf sebagai 'Top Country for Muslim Travel' dalam Indeks Pelancongan Muslim Global oleh MasterCard-Crescent Rating sejak 2011.

Mohd Daud berkata sebahagian besar pertumbuhan dan kemajuan industri itu diunjungkan oleh reputasi Malaysia sebagai penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia yang mudah diakses dan pada kos yang kompetitif.

"Ini juga ditonjolkan melalui kedudukan strategik kita sebagai negara mesra Muslim, kemersaan kita dan tarikan pelancongan yang terkenal," katanya, menambak antara pesaing Malaysia dalam industri pelancongan perubatan ialah Singapura, Thailand, Dubai (Emiriah Arab Bersatu) dan Korea Selatan.

Beliau berkata MHTC juga bekerjasama rapat dengan hospital yang menjadi ahli

bagi mengenal pasti pasaran lain yang boleh ditumpukan seperti Timur Tengah, yang menekankan lagi kepentingan perkongsian awam-swasta dalam melonjakkan sektor sebagai pemacu utama pertumbuhan.



AKMAL

ekonomi pasca-COVID-19.

Menurutnya, amat penting bagi MHTC untuk terus membina keyakinan dan kepercayaan sedia ada melalui potensi dan perkhidmatan digital bagi memastikan usaha yang berterusan untuk mengekalkan kesedaran dalam kalangan pelancong kesihatan.

INISIATIF GELEMBUNG PERJALANAN

Mengulas mengenai inisiatif gelembung perjalanan, Mohd Daud berkata langkah itu bukan sahaja akan memberi manfaat kepada industri pelancongan perubatan tetapi

Artikel Akhbar - Utusan Borneo Sarawak
19 Oktober 2021

Sumber Artikel : Akmal Adanan
Ketua Unit Komunikasi Korporat, UiTMCM

28 UTUSAN MALAYSIA
RABU • 20 OKTOBER 2021

Gaya • KAMPUS



PEMANDANGAN keseluruhan tapak projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) UiTM Melaka kampus Alor Gajah yang dirakam dari udara.

PROJEK wakaf tanaman buah-buahan UiTM cawangan Melaka yang dimulakan Januari lalu kini memasuki fasa kedua iaitu fasa penjagaan, pemeliharaan dan rawatan tanaman pokok buah-buahan pelbagai jenis.

Projek yang diberi nama Waqaf Dusun Ilmu atau singkatannya WaDI UiTM Melaka telah menginjak usia setengah tahun apabila telah memasuki tempoh separuh tahun sejak ia dilancarkan penanamannya.

Projek yang dibangunkan dalam kawasan yang berhampiran dengan pintu masuk 2 UiTM Kampus Alor Gajah ini dilihat semakin pesat dengan kemajuan, sehingga menjadi buah mulut masyarakat setempat dan warga UiTM khususnya.

Prof. Dr. Abd Halim Mohd. Noor yang menjalankan tugas Rektor UiTM Cawangan Melaka berkata, projek WaDI mula beralih ke fasa baru pertengahan tahun ini, walaupun negara ketika itu berada dalam perintah kawalan pergerakan (PKP).

"Walaupun ada kekangan beberapa aktiviti gara-gara PKP, kita dapat menggerakkan kerja-kerja asas pertanian di WaDI seperti sediaka apabila berjaya mendapatkan seorang tenaga buruh sepenuh masa bagi menjaga kawasan tanaman ini.

Waqaf Dusun Ilmu UiTM berjalan lancar

Masuk fasa penjagaan pokok buah-buahan



TUKANG kebun WaDI menjalankan kerja-kerja menggembur tanah dan membersihkan kawasan tanaman anak pokok.

"Ini penting supaya pertumbuhan pokok buah-buahan ini mengikut jadual yang dirancang. Lantikan ini juga merupakan satu manifestasi kemanisan wakaf yang disumbangkan. Bahkan kita juga mendapat maklum balas positif daripada masyarakat setempat yang

rata-rata memuji penjagaan kawasan tanaman sebagai bersih dan teratur," katanya. Januari lalu, UiTM Melaka melancarkan projek wakaf tanaman yang berintegrasi di antara dusun buah-buahan dengan elemen rekreasi.

Projek ini meliputi penanaman pokok buah-

buahan pelbagai jenis, serta pembinaan kemudahan rekreasi dan riadah seperti trek jogging, trek berbasikal, kolam, trek aktiviti lasak (Palapes), gazebo dan sebagainya.

Antara pokok yang ditanam di kawasan seluas kira-kira 0.8 hektar ini ialah pokok durian Musang King, durian Duri Hitam, pokok manggis Mesta, pokok rambutan Mutiara, cempedak, nangka, kelapa Mataq dan lain-lain.

MENGGAJI PEKEBUN

Bermula awal Julai lalu, pihak WaDI mengupah seorang pekebun sepenuh masa bagi menjalankan tugas-tugas seperti mesin rumput, merumput, meracun dan membaja setiap minggu.

Sementara itu, Koordinator Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah (EL-WAZIF) UiTM Cawangan Melaka, Muaz Mohd. Noor memberitahu, kutipan sumbangan wakaf bagi projek ini sudah terkumpul hampir RM 70,000 sejak dilancarkan awal tahun ini.

"Kami mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penyumbang dan pewakaf-pewakaf WaDI, baik dari orang perseorangan, kumpulan dan persatuan yang menyumbang kepada projek amal ini.

"Walaupun tidak dapat bergerak berkempen secara fizikal dengan bantuan penyebaran iklan secara dalaman, kita berjaya memperoleh sumbangan dari ramai dermawan termasuk dari Sabah dan Sarawak", ujarnya.

September lalu, WaDI menerima sumbangan RM12,635 dari Pakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Melaka, antara jumlah terbesar setakat ini.

Menurut Muaz, WaDI menyasarkan kutipan keseluruhan RM150,000 bagi tempoh satu ke tiga tahun.

Ia meliputi kos input pertanian, kos input pembangunan seperti pembinaan stor dan stesen kerja WaDI serta kos tenaga kerja atau buruh.

"Pewakaf boleh menyumbang melalui pelbagai kaedah seperti sumbangan terus ke akaun Bendahari UiTM Cawangan Melaka melalui akaun Bank Islam, 0402-4010-0176-52 (rujukan: Waqaf Dusun Ilmu) atau hubungi pejabat el-wazif UiTM Melaka untuk maklumat lanjut", ujar beliau.

Siaran Media - Utusan Malaysia
20 Oktober 2021

Diterbitkan oleh:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049



9 772785 804005